

05 SEP 1998

Yusof-Reformasi

ANWAR DIMINTA TIDAK GUNAKAN GERAKAN PELAJAR

KUALA TERENGGANU, 5 Sept (Bernama) -- Ketua Penerangan UMNO Datuk Dr Mohd Yusof Nor meminta bekas Timbalan Presiden UMNO Datuk Seri Anwar Ibrahim supaya tidak menggunakan gerakan pelajar untuk kepentingan peribadinya.

Beliau turut meminta semua naib canselor universiti tempatan memainkan peranan untuk menyampaikan maklumat yang betul dan tepat berkaitan isu tersebut kepada gerakan pelajar di universiti mereka.

"Setiap naib canselor mesti mempunyai inisiatif sendiri untuk menerangkan perkara itu (pemecatan Anwar) bagi mengelakkan gerakan pelajar di universiti masing-masing bertindak negatif," katanya pada persidangan media di RTM Kuala Terengganu di sini.

Beliau berkata Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak juga diminta memainkan peranan mencegah pelajar daripada dijadikan alat untuk kepentingan peribadi seseorang.

"Sudah terbukti di negara-negara lain, gerakan pelajar digunakan bagi mencapai tujuan mereka dengan bertopengkan 'reformasi' sebagai usaha menjatuhkan kepimpinan negara," katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memecat Anwar daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Rabu lepas dan sehari kemudian Majlis Tertinggi UMNO sebulat suara memecatnya daripada parti itu yang dipercayai berkaitan dengan masalah peribadinya.

Berikutan itu persatuan-persatuan pelajar menyatakan sokongan mereka kepada Anwar.

Ketika ditanya mengenai peranan media asing, Dr Yusof berkata: "Anwar perlu memastikan apakah dia menggunakan media asing atau dia dijadikan alat oleh media asing untuk agenda mereka sendiri."

Katanya, walaupun tidak lagi menjadi anggota UMNO Anwar sepatutnya menunjukkan komitmennya kepada perjuangan parti.

"Dr Mahathir sendiri pernah dipecat dari parti semasa zaman Tunku Abdul Rahman tetapi komitmen beliau (Dr Mahathir) terhadap perjuangan parti tidak pernah luntur," katanya.

Pemecatan Anwar daripada Kabinet bukan bertujuan menjatuhkan seseorang tetapi merupakan bidang kuasa Perdana Menteri, kata Dr Yusof sambil menambah ia merupakan perkara biasa di negara lain.

Beliau berkata selain menteri besar dan ketua-ketua menteri, semua anggota jawatankuasa UMNO di peringkat negeri juga sedang menjelaskan isu pemecatan Anwar kepada anggota parti bagi mengelakkan salah tafsiran dan perbalahan.

Katanya, parti-parti komponen Barisan Nasional juga patut menjelaskan perkara itu kepada anggota masing-masing bagi memastikan ia difahami seluruh lapisan masyarakat.

Dr Yusof juga berkata pemecatan Anwar bukan bertujuan membuka aibnya tetapi demi kepentingan negara, khususnya dalam usaha kerajaan mengatasi kegawatan ekonomi sekarang.

-- BERNAMA

SBS KHY